



SOALAN LAZIM (FAQ)
PENGOPERASIAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) BERDAFTAR
DI BAWAH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)
SEMASA PELAKSANAAN *TOTAL LOCKDOWN*
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

PENGOPERASIAN TASKA

- 1. Adakah TASKA dibuka semasa pelaksanaan “*total lockdown*” dalam tempoh PKP?**

TIDAK. Semua TASKA **TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI** kecuali untuk menjaga anak kepada petugas barisan hadapan atau ibu bapa/ penjaga yang kedua-duanya bekerja di pejabat.

Walau bagaimanapun, **TASKA berdaftar perlu membuat pemakluman kepada JKM** untuk menjaga anak kepada petugas barisan hadapan atau ibu bapa/ penjaga yang kedua-duanya bekerja di pejabat.

- 2. Bagaimanakah cara pengusaha TASKA untuk membuat pemakluman pengoperasian TASKA?**

- i. Sebelum TASKA beroperasi, pengusaha hendaklah melengkapkan dan mengemukakan **Borang Pemakluman Pengoperasian TASKA dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Borang 1)** yang ke Pejabat Kebajikan Masyarakat mengikut lokasi TASKA. **Borang 1 boleh dimuat turun melalui portal rasmi JKM.**
- ii. Borang pemakluman perlu dilampirkan bersama **salinan perakuan TASKA yang sah tempoh pendaftaran, senarai kanak-kanak yang perlu hadir ke TASKA dan senarai pekerja TASKA** dalam semasa pelaksanaan “*total lockdown*” dalam tempoh PKP mengikut format yang ditetapkan.

- iii. TASKA boleh beroperasi selepas pemakluman dibuat kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian/ Cawangan (PKMD/J/B/C).

3. Apakah arahan yang perlu dipatuhi bagi pengoperasian TASKA semasa pelaksanaan “total lockdown” dalam tempoh PKP?

Pengusaha hendaklah memastikan TASKA adalah bersedia untuk beroperasi dengan mematuhi:

- i. Segala arahan dari Majlis Keselamatan Negara berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan;
- ii. SOP Penjagaan Sosial (Taska) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- iii. Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Bagi Keselamatan Warga TASKA yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM);
- iv. Senarai pekerja dan kanak-kanak yang perlu hadir ke TASKA semasa pelaksanaan “total lockdown” dalam tempoh PKP disimpan baik bersama dokumen pengesahan pekerjaan ibu bapa kanak-kanak; dan
- v. Beroperasi selepas membuat pemakluman kepada PKMD/J/B/C.

KEBENARAN UNTUK BEKERJA DI TASKA

1. Adakah pengusaha, pengasuh dan pekerja TASKA perlu mendapatkan kebenaran untuk merentas Negeri dan Daerah untuk bekerja di TASKA?

Permohonan kebenaran merentas Negeri dan Daerah perlu dikemukakan melalui Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 yang diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

2. Bagaimanakah kaedah untuk pihak TASKA mendapatkan kebenaran merentas Negeri dan Daerah?

TASKA berdaftar perlu mengemukakan permohonan kebenaran merentas Negeri dan Daerah melalui CIMS 3.0. <https://notification.miti.gov.my/login>. **Surat Pengesahan Pendaftaran Syarikat Di Dalam Sistem MITI -CIMS** hendaklah dicetak untuk rujukan dan simpanan. Panduan permohonan boleh dirujuk dalam portal rasmi JKM.

BAYARAN YURAN TASKA

1. Adakah yuran TASKA perlu dibayar semasa pelaksanaan “total lockdown” dalam tempoh PKP?

Bayaran yuran TASKA adalah persetujuan bersama antara ibu bapa bersama pihak TASKA yang tertakluk di bawah Akta Kontrak 1950. Pihak TASKA dan ibu bapa adalah disarankan untuk berbincang bersama-sama agar mencapai satu persetujuan yang boleh membawa kerugian minimum untuk kedua-dua pihak.

PANDUAN PENGOPERASIAN TASKA

1. Apakah yang dimaksudkan dengan saringan gejala kesihatan untuk kakitangan dan kanak-kanak?

Saringan gejala kesihatan yang dimaksudkan adalah memeriksa suhu badan di pintu masuk untuk setiap kakitangan dan kanak-kanak. Jika suhu badan 37.5°C dan ke atas, kakitangan atau kanak-kanak tidak dibenarkan untuk berada dalam TASKA.

2. Apakah langkah yang perlu diambil jika terdapat warga di TASKA disahkan positif COVID-19?

- Tutup TASKA serta merta dan mengeluarkan notis penutupan kepada ibu bapa
- Berkomunikasi dengan ibu bapa, kanak-kanak dan kakitangan

- Tidak mendedahkan identiti warga yang dijangkiti
- Berhubung dengan Pejabat Kesihatan berdekatan untuk khidmat nasihat
- Melakukan disinfeksi mengikut panduan KKM
- Buka pintu dan tingkap untuk pengudaraan di dalam TASKA
- Kakitangan kebersihan perlu membersihkan dan mendisinfeksi setiap tempat dalam TASKA
- TASKA hanya beroperasi apabila tahap kebersihan dan keselamatan dipatuhi dan mendapat kebenaran dari pejabat kesihatan daerah

3. Apakah amalan pencegahan jangkitan COVID-19 untuk dilaksanakan bagi pengoperasian TASKA?

- Aturkan waktu ketibaan dan kepulangan kanak-kanak supaya tidak tiba serentak.
- Ibu bapa dan pelawat adalah tidak dibenarkan memasuki TASKA semasa operasi.
- Letakkan *hand sanitizer* di tempat pemeriksaan dan menasihati individu yang memasuki kawasan TASKA untuk membersihkan tangan sebelum masuk. Kanak-kanak adalah digalakkan membasuh tangan dengan air dan sabun.
- Pengambilan suhu badan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali iaitu ketika menerima kanak-kanak ke TASKA, sebelum waktu tidur dan ketika kanak-kanak diserahkan semula kepada ibu bapa pada waktu balik dari TASKA.
- Aktiviti mesyuarat dan latihan kakitangan secara fizikal hendaklah dikurangkan.
- Sebarang urusan hendaklah melalui emel atau secara atas talian, contoh sidang video.

4. Bagaimana penjarakan sosial diamalkan di TASKA?

- Aturkan ruangan pembelajaran/aktiviti (meja, kerusi, dsb) dengan penjarakan sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain
- Banyakkan aktiviti secara individu, batalkan aktiviti yang melibatkan sentuhan seperti memegang tangan, bersalam, berkumpul dan sebagainya
- Libatkan kanak-kanak dalam aktiviti kurang formal seperti bercerita, main peranan dan sebagainya
- Elakkan aktiviti yang tidak sesuai untuk penjarakan sosial yang selamat, contohnya:
 - Perkongsian bahan mainan umum, bahan pengajaran dan peralatan
 - Berkongsi bilik terapi atau bilik mainan
 - Lawatan ke tempat-tempat awam
 - Aktiviti luar seperti taman permainan, bermain air, permainan deria, dan lain-lain
 - Perhimpunan awam/ mesyuarat berkumpul

Nota: Sebarang perubahan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
2 JUN 2021**